

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH DARURAT (MEMPERUNTUKKAN DARIPADA
KUMPULANWANG KEMAJUAN), 1999**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraiian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran dan
Permulaan.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan), 1999, dan akan berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2000.

Pengeluaran
dan
Memperuntuk-
kan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lima ratus lima puluh juta dan empat ratus ribu ringgit (\$550,400,000.00) daripada Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
701	Pertanian	4,514,400.00
702	Perhutanan	4,929,400.00
703	Perikanan	2,471,000.00
704	Kemajuan Perusahaan	25,855,000.00
705	Perdagangan dan Kemajuan Usahawan	200,000.00
706	Pendidikan	9,806,300.00
707	Jalan Raya	140,102,200.00
708	Penerbangan Awam	19,672,100.00
709	Laut dan Pelabuhan	15,345,300.00
710	Elektrik	25,500,000.00
711	Telekom	52,220,600.00
712	Radio Televisyen Brunei	5,196,600.00
713	Perkhidmatan Pos	56,000.00
714	Perumahan Kerajaan	9,840,180.00
715	Perubatan dan Kesihatan	9,909,530.00
716	Kebersihan	3,242,000.00
717	Pembekalan Air	25,059,940.00
718	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	6,744,090.00
719	Bangunan Awam	71,906,660.00
720	Perumahan Negara	63,811,000.00
721	Hal Ehwal Ugama	2,449,140.00
722	Kajian Kemungkinan	232,000.00

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan \$
723	ABDB Tutong	—
724	ABDB Berakas	416,000.00
725	ABDB Bolkiah	—
726	ABDB Penanjong	610,100.00
727	ABDB Muara	—
728	Projek Rampaian ABDB	16,000,000.00
729	ABDB Binturan	724,280.00
730	Polis	7,305,800.00
731	Pengaliran Air	1,675,000.00
732	Simpanan Gagasan	24,605,380.00
		\$550,400,000.00

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Ramadan, 1420 Hijrah bersamaan dengan 22 haribulan Disember, 1999 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM